

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Puan Nor Azrina Binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian untuk memastikan Pusat Jagaan mempunyai kebolehan dalam pencegahan dan pengawalan jangkitan COVID-19 mengikut Seksyen 7(f) Bahagian II Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506].

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dilantik sebagai Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit [Akta 342] berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2021. Sehingga kini, seramai 1,313 orang Pegawai Diberi Kuasa telah dilantik sebagaimana peruntukan Akta 342 tersebut.

JKM bertanggungjawab untuk memantau semua Pusat Jagaan berdaftar beroperasi semasa tempoh pandemik COVID-19 dengan mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain daripada pemantauan berkala yang dilakukan pada setiap 6 bulan. Selain daripada itu, JKM juga telah melaksanakan Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (mySACC) bagi mengawal kualiti dan standard minimum sesebuah pusat jagaan.

Berikut adalah jumlah pemantauan yang telah dilakukan ke atas Pusat Jagaan berdaftar:

- a) 868 pemantauan pematuhan SOP COVID-19, dan
- b) 1,401 penilaian kendiri melalui Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (mySACC).

Bagi memastikan semua Pusat Jagaan berdaftar beroperasi dengan baik terutama sepanjang tempoh pandemik COVID-19, JKM telah mengeluarkan Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit COVID-19 di Pusat Jagaan Berdaftar (Berkediaman dan Harian). Program latihan berkaitan pengoperasian dan pengurusan Pusat Jagaan turut dilaksanakan secara berkala dan mengikut keperluan Pusat Jagaan berkenaan.

Garis panduan ini bertujuan memastikan penularan jangkitan penyakit COVID-19 dapat dicegah di pusat jagaan, pengoperasian pusat jagaan dapat dikendalikan dengan baik, dan bagi memastikan pengendali Pusat Jagaan bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kesejahteraan penghuni pada setiap masa.

Sehingga Jun 2021, sebanyak 58 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pusat jagaan yang tidak berdaftar dan sebanyak 14 tindakan telah dilaksanakan. Bagi memantapkan bidang penguatkuasaan Jabatan, latihan kepakaran sentiasa diberikan kepada Pegawai DiBeri Kuasa dengan kerjasama agensi-agensi luar seperti kerjasama bersama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Bagi tahun 2021, sebanyak 7 latihan melalui Pelan Operasi Latihan (POL) telah dan akan dilaksanakan kepada Pegawai DiBeri Kuasa.

Bagi menampung kos penjagaan kesihatan penghuni pusat jagaan yang dikendalikan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK), Kerajaan pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan peruntukan sebanyak 20 juta dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN). Peralatan kesihatan yang disediakan di bawah peruntukan ini seperti pelitup muka, *hand sanitiser*, alat pengukur suhu badan, dan peralatan *disinfection detergents*. Sebanyak 1,529 PSK telah mendapat manfaat daripada peruntukan ini.

Selain daripada itu, salah satu inisiatif yang diambil dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 adalah dengan membenarkan hanya pusat jagaan yang berdaftar mengakses sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) iaitu *COVID-19 Intelligence Management System (CIMS)* bagi mendapatkan kebenaran merentas daerah atau negeri.

Kementerian melalui JKM akan terus memberikan komitmen yang padu dan jitu dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan penghuni di Pusat Jagaan terpelihara sepanjang PKP menerusi pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan.

Sekian, terima kasih.